



PENGARUH MEDIA SOSIAL TERHADAP PENGLIBATAN MASYARAKAT DALAM GERAKAN ISIS DI MALAYSIA

Siti Rokiah Ab Rahman, Fadzli Adam, Siti Khatijah Yasin & Fakhratu Naimah Muhad*
ctiey_8909@yahoo.com

Institut Penyelidikan Produk dan Ketamadunan Melayu Islam (INSPIRE), Universiti Sultan Zainal Abidin,
Terengganu

ABSTRAK

Perkembangan Internet telah merancakkan penggunaan medium siber termasuklah media sosial dalam kalangan masyarakat Malaysia. Penularan ideologi gerakan ISIS menerusi media sosial telah berjaya mempengaruhi segelintir rakyat Malaysia terutamanya golongan belia untuk menyertai perjuangan gerakan Islamic State in Iraq and Syria (ISIS). Justeru, artikel ini membincangkan pengaruh penglibatan masyarakat Malaysia dalam gerakan ISIS menerusi medium media sosial. Hasil perbincangan menunjukkan pengaruh media sosial sangat signifikan dengan penglibatan golongan belia di Malaysia dalam gerakan ISIS. Kajian ini menggunakan kajian kepustakaan berdasarkan buku dan artikel lepas. Hasil kajian ini diharapkan dapat membantu pihak berkepentingan seperti Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM), pembuat polisi, Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan lain-lain sebagai rujukan berkenaan dengan gerakan militan ISIS yang semakin menular di Malaysia.

1. PENGENALAN

Kemunculan gerakan ISIS yang bertapak di kawasan Timur Tengah telah mencemarkan kesucian perjuangan Islam apabila pihak tersebut menggunakan kekerasan dan keganasan untuk mencapai matlamat dan objektif politik mereka. Gerakan ini telah memanipulasikan konsep jihad dalam Islam untuk membenarkan keganasan yang diperjuang oleh mereka dan mendapat sokongan daripada sesetengah masyarakat Muslim lain. Mereka membenarkan tindakan yang melampaui batas seperti provokasi, ugutan, keganasan, penculikan, penderaan, rampasan, peperangan, pengeboman, pembunuhan dan sebagainya (6). Tindakan keganasan ini jelas sekali bertentangan dengan landasan Islam yang menganjurkan kedamaian dan kehormatan dalam kehidupan. Namun, gerakan ini mula mendapat tempat dan perhatian dari golongan belia yang sangat dekat dengan medium atas talian seperti media sosial.

Kemunculan pelbagai media sosial telah dimanfaatkan oleh gerakan ini untuk menyebarkan propaganda dan merekrut ahli baharu secara atas talian. Kecanggihan teknologi hari ini telah memberi peluang kepada gerakan ISIS untuk merangka strategi merekrut ahli baru dan menyampaikan ideologi menggunakan platform atas talian. Perkara ini memberi kelebihan kepada gerakan ISIS apabila mereka mempunyai ahli kumpulan yang terlatih dan profesional dalam penggunaan teknologi canggih. Organisasi yang mengesan tindakan penganas dan kumpulan militan di Timur Tengah serta Asia melaporkan bahawa kumpulan tersebut telah bekerja selama bertahun-tahun untuk menjadi mahir dalam teknologi siber (13).

Perkara ini terbukti apabila gerakan ini berjaya merekrut ahli dari pelbagai negara yang mempunyai akses Internet dalam masa yang singkat. Gerakan ISIS berjaya merekrut pengikut lebih dari 90 negara (11). Manakala, dalam konteks Malaysia, pengaruh ISIS mula dikesan pada Februari 2013 menerusi tangkapan tiga orang pesalah ISIS oleh pihak Polis Di Raja Malaysia (PDRM) (15). Ancaman keganasan agama di Timur Tengah dan sekitarnya berada pada tahap yang membimbangkan dan boleh mengancam keselamatan negara terlibat. Penglibatan rakyat Malaysia dalam gerakan ISIS memberi pengalaman dan kes baru kepada kerajaan Malaysia yang sebelum ini kumpulan radikal dan ekstremis yang muncul di Malaysia tidak melibatkan penggunaan teknologi siber yang mencatatkan peningkatan secara drastik.

2. SEJARAH DAN KRONOLOGI GERAKAN ISIS

Gerakan ini ditubuhkan oleh Abu Mus'ab al-Zarqawi bertujuan untuk mewujudkan sebuah negara Islam berkhilafah menerusi perjuangan bersenjata pada tahun 2003. Pada tahun 2004, Abu Mus'ab al-Zarqawi berbay'ah dengan Osama bin Laden (Al-Qaeda) dan menukar pertubuhan kepada Al-Qaeda in Iraq (AQI) yang berpangkalan di Afghanistan. Bernaung di peringkat awal dengan Tanzim Al-Qaeda, Abu Mus'ab al-Zarqawi menerusi kumpulannya AQI telah mula bertindak lebih lantang dan bertentangan dengan prinsip Al-Qaeda sendiri. Seterusnya, pada tahun 2006, AQI bergabung dengan kumpulan radikal kecil di Iraq dan membentuk Majlis Syura Mujahideen. Pada tahun yang sama, Abu Mus'ab al-Zarqawi terbunuh dalam serangan dan diganti oleh Abu Ayyub Al-Masri sebagai Amir, seterusnya menubuhkan *Islamic State of Iraq* (ISI) atau '*Dawlah Islamiyah fi Al-Iraq*'. Pada tahun 2010, Abu Ayyub Al-

Masri terbunuh dan diganti oleh Abu Bakr Al-Baghdadi.. Selepas beberapa tahun, ISIS menjadi semakin agresif. Walaupun pada awalnya mereka dianggap sebagai pahlawan bagi golongan Sunni dalam menghadapi tentera AS dan kumpulan militan Syiah akhirnya kumpulan ini dilihat semakin agresif dan radikal. Perkara ini terbukti apabila mereka menyerang orang awam sehingga ramai nyawa tidak berdosa terkorban tidak kira sama ada dalam kalangan Syiah mahupun Sunni dan ulama Sunni.

Keadaan ini menjadi lebih kritikal selepas Nouri Al-Maliki terpilih menjadi Perdana Menteri Iraq buat kali kedua pada tahun 2013 melalui pilihan raya yang penuh kontroversi. Seterusnya, keadaan bertambah buruk apabila pentadbiran AS di Iraq memberikan ruang luas kepada pihak Syiah di bawah pemerintahan Nouri Al-Maliki dan *Hisbi Al-Da'wah* (Parti Al-Da'wah) bagi dalam institusi kepimpinan Iraq yang terkenal dengan korupsi dan sikap mendiskriminasikan pihak Sunni. Di samping itu, siri serangan dan pembunuhan berterusan ke atas golongan Sunni oleh kumpulan militant Syiah Kataib Al-Badr yang dikaitkan dengan parti Al-Maliki juga semakin memburukkan keadaan. Pada tahun 2014, keadaan diskriminasi dan pembersihan etnik ke atas Sunni oleh kerajaan Maliki bertambah serius. Golongan Sunni di kawasan majoriti Arab Sunni terpaksa berhijrah ke kawasan Kurdistan seperti Kirkuk, Sulaimaniyah, Salahuddin, dan lain-lain lagi. Sunni Arab berasa tiada sesiapa yang membela mereka, lantas melancarkan gerakan Al-Hitak As-Sya'bi pada tahun 2014 bagi menyeru rakyat Iraq kembali bersatu dan meninggalkan keganasan. Gerakan ini juga menyeru supaya rakyat menolak golongan bersenjata dan pembunuhan sesama sendiri dan melancarkan kempen antarabangsa bagi membuka topeng puak Syiah dan juga Iran yang berusaha melakukan pembersihan etnik ke atas golongan Sunni di Iraq. Situasi ini memberi momentum baru kepada golongan ISIS muncul sebagai penyelamat golongan Sunni. ISIS melancarkan serangan ke atas tentera Iraq di bawah pemerintahan Nouri Maliki di kawasan minoriti Sunni dan Kurdi serta mengisytiharkan *Dawlah Islamiyah di Iraq* dan Syria pada Jun 2014. Di sinilah munculnya nama Da'esh atau ISIS atau ISIL. Seterusnya, pada 2014, Abu Bakr Al-Baghdadi mengisytiharkan penubuhan negara Islam (Daulah Islamiyyah) atau *Islamic State* (IS) dan melantik dirinya sebagai khalifah Daesh kemudian keluar dari sekutu Al-Qaeda.

Manakala, dalam konteks Malaysia memperlihatkan permulaan konflik di Syria pada tahun 2011 telah menggamit penyertaan sebahagian kecil rakyat Malaysia pada ketika itu untuk turut berjuang, dan ini menjadi titik tolak kembali merencanakan gerakan radikal Islam yang wujud sebelum ini. Kumpulan Tanzim Al-Qaeda Malaysia dan kumpulan-kumpulan militan yang pro kepada perjuangan *Islamic State* (Daesh) dikenali pasti termasuklah kumpulan Revolusi Islam, Briged Khalid al Walid, Daulah Islam Malizia dan Kumpulan Fisabillah (14). Sebenarnya, gerakan radikal Islam telah bertapak lama di Malaysia. Gerakan seperti Jemaah Islamiyah (JI) dan Kumpulan Militan Malaysia (KMM) adalah dua kumpulan radikal Islam yang sangat bahaya dan berpengaruh suatu ketika dahulu. Walaupun telah diharamkan oleh kerajaan, namun ideologi salafi jihadi yang diperjuangkan mempunyai persamaan dengan gerakan militan ISIS yang pada hari ini dilihat sebagai ancaman bukan sahaja bagi Malaysia malah juga seluruh dunia yang muncul atas tujuan yang hampir sama iaitu bagi menegakkan syariat Islam dengan pendekatan jihad qital bagi mendirikan sebuah negara Islam sebenar menurut pandangan mereka. Ancaman gerakan ISIS merupakan pengalaman dan cabaran baharu kepada negara susulan penggunaan landasan media sosial sebagai kaedah utama untuk merekrut anggota serta menyebarkan fahaman ekstremis kumpulan itu.

3. PENGARUH MEDIA SOSIAL TERHADAP PENGLIBATAN MASYARAKAT DALAM GERAKAN ISIS DI MALAYSIA

Perkembangan teknologi Internet telah merubah landskap kehidupan manusia apabila mereka mula bergantung kepada teknologi Internet dalam kehidupan seharian samada dalam aspek sosial, ekonomi, politik dan agama. Penggunaan aplikasi ini telah memberi banyak kelebihan dan kemudahan kepada masyarakat kerana kecekapan dan fungsi yang dimainkan oleh aplikasi tersebut. Perkembangan teknologi telah mewujudkan pelbagai aplikasi media sosial seperti Facebook, Youtube, Instagram, aplikasi wassap, telegram dan lain-lain telah digunakan oleh kebanyakan masyarakat dunia. Media sosial merupakan saluran komunikasi digital kerana para pengguna boleh berkongsi maklumat, berinteraksi dengan segera, berkomunikasi dengan dua hala dan penghantaran mesej yang cepat ke beberapa orang dalam masa yang sama. Pengguna dapat berinteraksi secara langsung dengan orang lain melalui media sosia (10). Selain

itu, media sosial juga menawarkan pelbagai kemudahan seperti senang digunakan, tidak menggunakan kos yang tinggi, mudah dan mesra pengguna.

Tambahan pula, media sosial merupakan media yang bebas untuk melakukan segala bentuk perbincangan awam kerana media ini tidak dipengaruhi oleh kerajaan mahupun pemerintah yang berkuasa. Oleh itu segala bentuk perbincangan kritikal, perkongsian maklumat, komunikasi dengan orang lain, boleh dilakukan dengan efektif. Kemunculan media baru seperti Facebook, Twitter, Blogspot, dan sebagainya, golongan ekstremis mengambil kesempatan untuk menyebarkan fahaman dan ideologi mereka dengan cepat dan pantas (12). Perkara ini di sokong oleh hasil dapatan yang menyatakan organisasi ini menggunakan internet dan media sosial untuk menyebarkan propaganda, mendapatkan kewangan, memberi latihan dan perancangan organisasi ISIS (9). Pengaruh penggunaan teknologi siber yang semakin pesat memungkinkan kejayaan ISIS dalam mengembangkan ideologinya ke seluruh pelosok dunia yang mempunyai akses rangkaian internet. Penyampaian mesej ISIS melalui siber merangkumi kefahaman tentang keperluan berjihad ke negara Islam dan menyertai kumpulan ini untuk menentang musuh. Kempen propaganda ISIS melalui siber seperti ini boleh mempengaruhi masyarakat netizen terutamanya belia yang mengaplikasikan medium ini dalam kehidupan seharian. Perkara ini merupakan strategi masa kini yang digunakan oleh ISIS untuk meluaskan dan menyebarkan ideologi secara atas talian. Penularan dan penyebaran maklumat ISIS melalui medium siber sekiranya tidak dibendung boleh menggugat keselamatan dan kedaulatan negara

Terdapat beberapa kajian yang membincangkan tentang penglibatan masyarakat dalam gerakan ISIS (1,5,8). Kekuatan dan kelemahan sesuatu bangsa dan negara amat bergantung kepada golongan muda yang merupakan tonggak dan pewaris kesinambungan pembangunan dan kesejahteraan negara. Dalam era globalisasi yang mana manusia harus berhadapan dengan dunia tanpa sempadan, pelbagai cabaran khasnya yang berkaitan dengan masalah sosial dan keruntuhan akhlak dalam kalangan generasi muda remaja amat membimbangkan (3). Gerakan ISIS memanfaatkan penggunaan Internet dan laman media sosial untuk menyebarkan mesej dan ideologi untuk mempengaruhi netizen terutamanya golongan muda untuk bersama-sama menyokong organisasi tersebut dengan melakukan penghijrahan ke Timur Tengah

seterusnya terlibat dengan pertempuran iaitu bersama-sama dengan pejuang jihad lain atau menyertai kumpulan yang memainkan peranan sokongan yang kerap digunakan oleh ahli gerakan ISIS kepada wanita muda yang untuk menyertai ISIS (1). Sementara itu, kumpulan penganas telah mengarahkan para simpati untuk melakukan tindakan keganasan di mana sahaja mereka berada semasa perjalanan ke Timur Tengah. Propaganda ISIS kini lebih sering ditujukan kepada orang Barat dan lebih khusus bertujuan untuk "generasi Milenium.". Selain itu, kajian yang dilakukan dengan menggunakan kaedah tinjauan terhadap 160 responden kajian mendapati bahawa kekerapan penggunaan media sosial dalam pelbagai aktiviti sangat tinggi (2). Dapatan kajian juga menunjukkan bahawa seramai 70 peratus lebih responden menyatakan bahawa kekerapan penggunaan media sosial dilakukan menggunakan telefon pintar. Media sosial dianggap mempunyai peranan lebih dalam melakukan pelbagai perkara, termasuk dalam aktiviti gerakan sosial di negara Turki. Media sosial merupakan salah satu usaha yang dilakukan untuk ikut serta didalam pelbagai penyertaan sosial (4). Media sosial tidak hanya sebagai salah satu medium untuk berkomunikasi dan menjalin hubungan sosial semata-mata. Tetapi penggunaan media sosial mempunyai peranan yang besar dalam penyertaan politik dan sebagainya. Media sosial dianggap mampu untuk melakukan tindakan mobilisasi orang ramai supaya ikut serta dan menyokong kegiatan yang berhubungan dengan perubahan sosial. Kajian lepas menunjukkan media atas talian termasuklah media sosial mempunyai kelebihan untuk mempengaruhi fikiran dan tindakan manusia untuk melakukan aktiviti luar kawalan.

Seterusnya, kajian mengenal pasti tahap pemahaman wanita tentang Islam, sifat dan faktor-faktor yang membawa kepada tingkah laku radikal serta kesan tindakan radikal tersebut. Dapatan menunjukkan pemahaman wanita tentang Islam adalah lebih rendah berbanding responden lelaki dan persepsi terhadap fenomena radikalisme adalah lebih rendah daripada responden lelaki (5). Manakala kajian dijalankan untuk mengenal pasti faktor kecenderungan penglibatan belia dengan kumpulan ISIS atau kumpulan Islam radikal lain. Hasil kajian ini mendapati bahawa masih sedikit belia di Malaysia yang mengenali dan memahami tujuan perjuangan kumpulan ISIS (8). Selain daripada faktor media sosial, faktor pemahaman agama dan pengaruh kawalan amat memainkan peranan penting dalam kecenderungan belia dalam gerakan kumpulan ini. Pengaruh kawalan dan media sosial mampu mempengaruhi dan mendorong belia di Malaysia

terlibat dengan kumpulan ISIS. Hasil dapatan membuktikan golongan belia tidak memahami secara mendalam ideologi yang dibawa oleh gerakan ISIS dan kemunculan media atas talian telah memberi ruang kepada gerakan ISIS untuk mempengaruhi golongan ini untuk bersama-sama dalam perjuangan mereka. Perkara ini selari dengan kajian yang menyatakan salah faham terhadap ajaran agama Islam dan sikap fanatik terhadap sesuatu ideologi mendorong kepada penyertaan kepada gerakan tersebut (7).

4. PENUTUP

Secara kesimpulannya, pengaruh media sosial dalam penyebaran ideologi dan merekrut ahli dalam gerakan ISIS memberi ancaman kepada keselamatan negara. Penggunaan media sosial telah merancakkan strategi gerakan ini untuk meluaskan pengaruhnya yang sangat bertentangan dengan ajaran Islam. Selain daripada tangkapan ahli gerakan ISIS di buat, kerajaan Malaysia perlu menggunakan inisiatif yang lebih canggih menerusi polisi komunikasi untuk mengekang penularan ISIS.

PENGHARGAAN

Penulisan ini adalah sebahagian daripada hasil penyelidikan geran FRGS RR209. Ucapan penghargaan ditujukan kepada pihak Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) di atas penganugerahan geran ini sehingga membolehkan kajian diteruskan bagi mencapai objektif yang digariskan.

RUJUKAN

Jurnal

- (1) Blaker, L. 2015. The Islamic State's use of online social media. *The Journal of the Military Cyber Professionals Association*, 1(1). <https://doi.org/10.5038/2378-0789.1.1.1004>.
- (2) Cetinkaya, A, Sahin. O.E & Kirik. A.M. 2014. A research on social and political use of social media in Turkey. *International Journal of Sciences Culture and Sport* 2 (4): 49-60.
- (3) Ibrahim, F., Sarnon, N., Alavi, K., Mohamad, M., Md Akhir, N., & Nen, S. 2012. Memperkasakan pengetahuan agama dalam kalangan remaja bermasalah tingkah laku: ke arah pembentukan akhlak remaja sejahtera. *Journal of Social Sciences and Humanitiess*, 7(1), 84-93.
- (4) Scott. J.T & Maryman. J.V. 2016. Using social media as a tool to complement advocacy efforts. *Global Journal of Community Psychology Practice* 7 (1): 1-22.
- (5) Yusof, K., Herman, I., & Nasir, B. M. 2010. Islamic radicalism in Malaysia: Gender perspective. *Procedia - Social and Behavioral Sciences*, 5, 2119-2125. <https://doi.org/10.1016/j.sbspro.2010.07.424>
- (6) Zul'Azmi, Y., & Ahmad Sunawari, L. 2015. Terorisme sebagai cabaran ideologi Muslim masa kini: Satu analisis dari perspektif falsafah. *International Journal of Islamic Thought*, 7, 58-63

Prosiding

- (7) Fadzli Adam & Fakhratu Naimah. 2017. The edge of rehabilitation in deradicalizing extremism: case study of several muslim countries. In ISER International Conference (pp. 5–11).
- (8) Raston, A.N., Kurniawan, Y., Zainol, NR., & Hamsani, N. 2016. Pendidikan agama Islam dan Islam radikal dalam kalangan. In Prosiding Seminar Penyelidikan IYRES 2016 (pp. 213–220).
- (9) Siti Rokiah Ab Rahman & Fadzli Adam. (2017). ISIS: Peranan internet dan media sosial. In Proceeding of International Conference of Empowering Islamic Civilization (pp. 7–8).

Tesis

- (10) Leonard. A.P.S. 2016. Penggunaan Media Sosial Sebagai Eksistensi Diri (Studi Deskriptif Kualitatif Penggunaan Media Sosial untuk Eksistensi Diri Pada Mahasiswa Fisip UNS Tahun Ajaran 2015/2016). Tesis sarjana Universitas Sebelas Maret. Surakarta

Buku

- (11) Levitt, M., & Youkilis, R. 2015. Findings from the State Department's Annual Terrorism Report (Part 2): The Rise of ISIL. The Washington Institute for Near East Policy.
- (12) Mahan, S., & Griset, P. L. 2013. Terrorism in perspective (3rd ed.). London: Sage.
- (13) Maniscalco, P. & Christen, H.T. 2001. Understanding Terrorism and Managing the Consequences. Prentice Hall Publishing, Upper Saddle River, NJ 07458.
- (14) El-Muhammady, A. 2016. Countering the threats of daesh in Malaysia. In B. Gorawantschy, R. Gunaratna, M. Sarmah, & P. Rueppel (Eds.), Countering Daesh extremism: European and Asian responses (pp. 105-122). Singapore: Konrad Adenauer Stiftung.

Laporan Kerajaan

- (15) Polis Di Raja Malaysia, PDRM. 2017. Statistik terkini tangkapan kumpulan IS di Malaysia. Kuala Lumpur: Bukit Aman